



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
: 03-8882 3894
Web : www.treasury.gov.my

Ruj. Kami : MOF.BSKK 600-2/2/3 Jilid 4(46)
Tarikh : 9 April 2020

Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Khidmat Perunding
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 5, Perbendaharaan 2
No. 7, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: YBrs. Encik G.S. Muniandy C.A.(M))

Tuan,

PERMOHONAN PENGECAULIAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) DAN PEKELILING PERBENDAHARAAN (PP) BAGI MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS KEWANGAN DAN PERAKAUNAN MELIBATKAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ), PEJABAT PERAKAUNAN DAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM) SERTA TUNTUTAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada emel Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertarikh 27 Mac dan 31 Mac 2020 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Perbendaharaan Malaysia telah meneliti permohonan tersebut dan bersetuju perkara-perkara berikut **diluluskan**:

- i. Permohonan pengecualian AP dan PP berkaitan oleh JANM di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ), Pejabat Perakaunan dan JANM serta tuntutan perjalanan pegawai awam mengikut tempoh berkala dan langkah bersesuaian seperti cadangan pihak JANM di **Lampiran 1**. Pengecualian tertakluk kepada situasi/ arahan keselamatan dan perintah Kerajaan Malaysia berdasarkan justifikasi jangkaan penutupan operasi bank tempatan, pejabat-pejabat Kerajaan dan Swasta serta pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ataupun Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang sedang berkuatkuasa akibat kesan penularan wabak COVID-19; dan
- ii. Mekanisme khas dan kawalan dalaman berkaitan urusan kewangan, perakaunan dan tuntutan perjalanan bagi tempoh sepanjang PKP dan PKPD serta untuk bulan-bulan berikutnya wajar diwujudkan oleh JANM sekiranya operasi bank masih terjejas akibat kesan penularan wabak ini yang berterusan. PTJ, Pejabat Perakaunan dan JANM hendaklah memastikan keselamatan kutipan di bawah seliaannya adalah di tahap optimum bagi mengelak berlakunya kehilangan wang awam dan operasi

kewangan, perakaunan dan tuntutan perjalanan pegawai awam berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AHMAD SUHAIMI BIN ENDUT)

Setiausaha Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan

☎ 03 8882 3663

📠 03 8882 3872

✉ ahmad.suhaimi@treasury.gov.my

s.k.:

Edaran Dalaman

KSP

TKSP(M)

SBPA

Edaran Luaran

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 W.P. PUTRAJAYA

LAMPIRAN 1

PENGECUALIAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) DAN PEKELILING PERBENDAHARAAN (PP) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Bil.	Peraturan	Pelaksanaan Sebelum PKP	Pelaksanaan Dalam Tempoh PKP
1.	AP100(a)	Tuntutan Perjalanan bulanan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 10hb dalam bulan berikutnya. Sebarang permohonan lewat daripada tempoh yang ditetapkan perlu mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal.	<p>Pengecualian AP100(a)</p> <p>Tarikh akhir penghantaran Tuntutan Perjalanan bagi bulan Mac 2020 atau bulan seterusnya adalah 10 hari selepas tamatnya tempoh PKP atau 10 hari selepas tamat tempoh kuarantin pegawai.</p>
2.	AP78(a) hingga AP78(c)	<p>2.1 Semua pungutan hendaklah dibankkan pada hari yang sama jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pungutan tunai (kertas dan syiling) melebihi RM 500 atau; ii. Jumlah pungutan (termasuk tunai, cek, wang pos, kiriman wang dan bank draf) melebihi RM 2,000. Jika wang lewat diterima, tugas-tugas ini hendaklah dilakukan pada hari kerja yang berikutnya. Pungutan melalui cek mestilah dibankkan dalam tempoh satu minggu dari tarikh terima. <p>2.2 Pungutan tanpa mengambilkira jumlah mestilah dibayar kepada Perbendaharaan pada hari terakhir bekerja dalam bulan tersebut.</p> <p>2.3 Bagi pungutan yang diterima pada hari terakhir bekerja dalam sesuatu tempoh perakaunan selepas pembayaran akhir dibankkan, pungutan hendaklah diperakaunkan seolah-oleh diterima dalam tempoh akaun yang berikutnya.</p>	<p>Pengecualian AP78(a) - AP78(c)</p> <p>Sekiranya bank ditutup dalam tempoh PKP bagi tempat-tempat yang mana operasi bank ditutup seperti di daerah-daerah kecil seperti Tawau, Lahad Datu dan Kunak. (<i>Rujuk emel Pejabat Laut Cawangan Lahad Datu.</i>)</p> <p>Kutipan di masukan ke bank seminggu sekali dicawangan bank yang beroperasi dan berhampiran dengan PTJ atau sehingga bank cawangan dibuka semula selepas tempoh PKP.</p> <p>Dalam tempoh ini PTJ hendaklah memastikan terimaan disimpan selamat selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa bagi memastikan tidak berlaku kehilangan wang awam.</p> <p>Manakala operasi bagi tempat dimana operasi bank dibuka, terimaan dimasukkan ke dalam bank seperti biasa.</p>

PENGECUALIAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) DAN PEKELILING PERBENDAHARAAN (PP) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Bil.	Peraturan	Pelaksanaan Sebelum PKP	Pelaksanaan Dalam Tempoh PKP
3.	AP146	<p>Lejar Tunai hendaklah disesuaikan dengan Penyata Bank</p> <p>Penyata penyesuaian bank bulanan hendaklah dihantar kepada Ketua Audit Negara atau wakilnya dalam tempoh dua (2) minggu selepas akhir tiap-tiap satu (1) bulan.</p>	<p>Pengecualian kepada AP146</p> <p>Penyata penyesuaian bank bagi bulan Mac 2020 atau bulan seterusnya hendaklah dihantar kepada Ketua Audit Negara tempoh dua (2) minggu selepas tamatnya tempoh PKP.</p>
4.	AP79	<p>Penyediaan Penyata Pemungut Dan Memasukkan Pungutan Ke Dalam Bank.</p>	<p>Pengecualian kepada AP79 bagi Penyediaan Penyata Pemungut terimaan melalui ePembayaran.</p> <p>Pengecualian kepada PTJ yang tidak dibenarkan untuk hadir ke pejabat dalam tempoh PKP.</p> <p>Penyata Pemungut disediakan pada hari pertama bekerja setelah tamatnya tempoh PKP. Sehingga tempoh tersebut Lejar Wang Tunai Belum Dibankkan akan berbaki.</p> <p>PTJ hendaklah membuat catatan bagi Penyata Pemungut tersebut justifikasi kelewatan adalah disebabkan PKP.</p> <p>Pejabat Perakaunan juga perlu merekod justifikasi ini di dalam KPI Pejabat Perakaunan.</p> <p>Pengecualian ini tidak tertakluk kepada PTJ yang dibenarkan untuk hadir bekerja di pejabat dalam tempoh PKP.</p>
5.	AP60(ii)	<p>Resit Rasmi mestilah dikeluarkan pada masa urusan dibuat</p> <p>Terimaan melalui Pindahan Dana Elektronik (EFT), PTJ akan</p>	Pengecualian AP60(ii) bagi terimaan melalui Pindahan Dana Elektronik (EFT)

PENGECUALIAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) DAN PEKELILING PERBENDAHARAAN (PP) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Bil.	Peraturan	Pelaksanaan Sebelum PKP	Pelaksanaan Dalam Tempoh PKP
		menyediakan Resit Rasmi selepas menyemak dan mengesahkan no. EFT terimaan dan amaun dengan Unit Pengurusan Dana Pejabat Perakaunan.	Penyata Pemungut disediakan pada hari pertama bekerja setelah tamatnya tempoh PKP, selepas PTJ menyemak dan mengesahkan no. EFT terimaan dan amaun dengan Unit Pengurusan Dana Pejabat Perakaunan.
6.	AP145	<p>Penghantaran Dokumen Akaun Terimaan Bulanan (DAT)</p> <p>PTJ hendaklah mengemukakan Penyata Pengesahan Dokumen Akaun Terimaan (Kew.253E-Pin.1/18) bersama dokumen akaun terimaan bulanan ke Bahagian Akaun Kementerian dengan secepat mungkin dalam tempoh 10 hari selepas akhir setiap bulan bagi tujuan pgauditian.</p>	<p>Pengecualian AP145</p> <p>Tarikh penghantaran Dokumen Akaun Terimaan Bulanan bagi bulan Mac 2020 atau bulan seterusnya adalah 10 hari selepas tamatnya tempoh PKP.</p>
7.	PP WP3.3	<p>Tatacara Dan Peraturan Mengenai Pengurusan Pendahuluan Pelbagai.</p> <p>Perenggan 6 (6.1) WP3.3: Ketua Jabatan hendaklah menyediakan Penyata Mengenai Kedudukan Pendahuluan Pelbagai Bagi Suku Tahun seperti di Lampiran B untuk dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dengan salinan kepada Ketua Audit Negara, Akauntan Negara Malaysia dan Jabatan Mengakaun Sendiri. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan setiap suku tahun selewat-lewatnya pada 15 April, 15 Julai, 15 Oktober dan 15 Januari bagi suku tahun berkenaan.</p>	<p>Pengecualian PP WP3.3 Perenggan 6 (6.1)</p> <p>Tarikh penghantaran Penyata Mengenai Kedudukan Pendahuluan Pelbagai Bagi Suku Tahun Pertama tahun 2020 dikemukakan dalam tempoh 15 hari selepas tamat tempoh PKP.</p>